

\$100 JUTA UNTUK PERKENALKAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

MELAKA 13 Ogos —
Kementerian Kebudayaan
dan Pelancongan akan
diberi peruntukan \$100 juta
khusus untuk menggiatkan
usaha memperkenalkan
Malaysia di luar negeri.
Perdana Menteri Datuk Sri
Dr. Mahathir Mohamad
yang mengumumkan
demikian hari ini mahu
kementerian berkenaan
membuktikan kejayaan
usahanya dengan
kemasukan lebih ramai
pelancong luar negeri ke

Malaysia.
Berucap merasmikan
serentak "Karnival
Melaka," pusat ekspo dan
taman haiwan di Air Keruh,
18 kilometer dari sini beliau
berkata adalah didapati
kebelakangan ini Malaysia
masih kurang dikenali
berbanding dengan negara
- negara ASEAN lain.
Utusan difahamkan sebelum

ini Perbadanan Kemajuan
Pelancongan Malaysia
(TDC) hanya mendapat \$30
juta untuk tujuan
berkenaan.
Datuk Sri Dr. Mahathir
Mohamad berkata
peruntukan yang banyak ini
adalah sebagai
"pelaburan" untuk
menggandakan kemasukan

LIHAT MUKA 6

\$100 JUTA UNTUK PERKENALKAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

UM 13 AUG 1987

lebih ramai pelancong ke
Malaysia.
Menurutnya lebih banyak
maklumat mengenai
Malaysia dan sebagainya
hendak disebar di luar
negeri agar Malaysia lebih
dikenali untuk mencapai
matlamat berkenaan.
Katanya berbanding
dengan Singapura,
Thailand, Indonesia, Brunei
dan Filipina, Malaysia
nyata masih belum begitu
dikenali.
"Malah ada orang yang
fikir Malaysia ini terletak di
Afrika, ada kata di India,
di China dan ada yang
sangkakannya terletak di
Himalaya," katanya.
Beliau menegaskan
pelancongan merupakan
industri yang
menguntungkan dan
membawa faedah secara
langsung kepada rakyat.
Oleh itu, katanya, segala
usaha hendaklah
digemblengkan untuk tujuan
menggiatkan lagi bidang
ini.
Serentak dengan majlis
perasmian itu Ketua Menteri
Melaka Datuk Sri Rahim
Tamby Chik telah
menyerahkan memorandum
kepada Perdana Menteri
untuk mengisytiharkan
Melaka sebagai bandaraya
besejarah.
Karnival Melaka yang
berlangsung selama 18 hari
bertujuan untuk
memaparkan kejayaan
kerajaan negeri dan swasta
serta menarik lebih ramai
pelancong tempatan dan
luar negeri ke negeri itu.